



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

OPS KESAN DAN OPS PANTAU DITERUSKAN SEPANJANG RAMADAN

SEREMBAN, 23 MAC 2024 – Sejak bermulanya bulan Ramadan pada 12 Mac 2024 hingga 23 Mac 2024, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menganjur sebanyak 192 Program Jualan Rahmah (PJR) Ramadan di seluruh negara termasuk 20 siri di Negeri Sembilan. Program ini akan berlangsung sehingga hujung bulan Ramadan dengan sasaran sebanyak 450 siri di seluruh negara meliputi kesemua 222 kawasan Parlimen.

Melalui PJR Ramadan, orang ramai berpeluang mendapatkan barang-barang keperluan harian dengan tawaran harga 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran. Selain barangan kering yang ditawarkan dalam Program Jualan Rahmah yang dianjurkan sepanjang tahun, PJR Ramadan juga menawarkan keperluan barangan basah untuk juadah berbuka puasa dan bersahur.

Orang ramai boleh mendapatkan Takwim PJR yang akan dilaksanakan di kawasan berhampiran masing-masing menerusi laman rasmi sesawang KPDN di <https://www.kpdn.gov.my>.

Bermula bulan Mac 2024 ini juga, KPDN melaksanakan dua operasi penguatkuasaan secara serentak iaitu OPS KESAN yang bermula pada 1 Mac 2024 dan OPS PANTAU yang bermula pada 12 Mac 2024.

OPS KESAN digerakkan susulan daripada pelaksanaan kenaikan kadar cukai perkhidmatan daripada 6 peratus kepada 8 peratus. Operasi penguatkuasaan ini adalah bertujuan untuk memastikan tidak ada mana-mana pihak yang membuat perubahan harga pada kadar yang tidak munasabah dan tidak berwajaran serta bertentangan dengan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Pada masa yang sama, OPS KESAN juga memantau risiko berlakunya perubahan harga atas alasan kenaikan cukai perkhidmatan dalam sektor-sektor yang tidak tertakluk kepada perubahan dasar percukaian tersebut.

Berdasarkan pemeriksaan yang dilaksanakan bagi tempoh 1 Mac 2024 hingga 22 Mac 2024, sebanyak 9,749 premis telah diperiksa di seluruh negara. Sebanyak 485 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) telah diserahkan kepada premis perniagaan yang terlibat untuk mendapatkan perincian maklumat berhubung caj dan kos langsung penyediaan perkhidmatan tersebut di peringkat sektor penyedia perkhidmatan yang diperiksa. Notis ini dikeluarkan kepada para peniaga yang didapati melakukan perubahan harga.

Pada masa yang sama, KPDN turut melaksanakan OPS PANTAU bermula 12 Mac 2024. OPS PANTAU 2024 dilaksanakan khusus untuk memantau aktiviti perniagaan sepanjang bulan Ramadan dan menjelang bulan Syawal. Penguatkuasaan ini dijalankan secara berfokus di seluruh negara dengan lokasi tumpuan seperti Bazar Ramadan, Bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar raya besar, pasar raya, kedai runcit dan aktiviti penjualan secara dalam talian.

Berdasarkan statistik OPS PANTAU 2024 dari 12 Mac 2024 hingga 22 Mac 2024, sebanyak 19,428 premis telah diperiksa di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 81 kes telah dihasilkan atas pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan sebanyak RM411,874.07. Sebanyak 566 aduan oleh pengguna juga telah diterima dalam tempoh yang sama melibatkan pelbagai kategori aduan. Antara kesalahan yang diambil tindakan meliputi kegagalan meletakkan tanda harga, tidak menggunakan alat timbang yang sah dan menjual barang-barang tiruan.

KPDN mengambil perhatian serius terhadap saranan yang diberikan oleh YAB Perdana Menteri untuk meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan di peringkat lapangan. Sehubungan itu, pihak KPDN telah menggerakkan keseluruhan anggotanya di peringkat ibu pejabat dan negeri-negeri bagi pelaksanaan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan di lapangan. Selain daripada anggota kementerian, kita juga akan bersama-sama dengan badan sukarelawan seperti Hero Pengguna, Gerakan Pengguna Siswa (GPS) dan NGO Pengguna untuk sama-sama membantu aktiviti pemantauan di lapangan.

KPDN juga mengalu-alukan sebarang aduan dan maklumat daripada orang ramai tentang sebarang aktiviti perniagaan yang disyaki melanggar peraturan dan undang-undang. Maklum balas awam boleh disalurkan kepada pelbagai platform sedia ada beserta maklumat yang boleh membantu penguatkuasaan dijalankan pada kadar segera di lokasi yang dikenal pasti.

Aduan awam boleh dibuat kepada KPDN melalui platform aduan seperti berikut:

- i. WhatsApp iaitu 019-848 8000 / 019-279 4317;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800;
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN; dan
- v. Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) : 03-8882 6245 / 6088.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###